



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendaftar "Program Komuniti Paradise Linx". Pastikan juga anda telah membaca dan memahami maklumat, terma-terma dan syarat-syarat di dalam Program ini)

Diurus selia:

Program ini diurus selia oleh Paradise Linx Sdn Bhd, 1023692-M. Hubungi syarikat untuk sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut

PROGRAM KOMUNITI PARADISELINX

Tarikh : 19/01/2022

1) Program apakah ini?

Program Komuniti Paradise Linx adalah sebahagian inisiatif membantu komuniti dalam menyatukan ahli – ahlinya dan memperkasakan aktiviti ke arah penambahbaikan organisasi/komuniti dari sudut pengurusan, ekonomi dan kebajikan.

Program ini menyediakan sistem dan kaedah kearah membantu lebih ramai ahli komuniti menikmati pelbagai kemudahan dan faedah kebajikan selari dengan keperluan dan kepesatan perubahan teknologi semasa.

2) Apakah objektif program ini diadakan?

1. *Build SMART Communities*

Membangun komuniti yang *SMART* dengan menggunakan Teknologi Maklumat & Komunikasi dan menjadikan kehidupan lebih mudah, cepat dan lebih menyeronokkan.

2. *Stay SAFE Communities*

Mendidik masyarakat untuk menggunakan sepenuhnya teknologi kewangan untuk menjaga keselamatan alam sekitar.

3. *CONVENIENCE for Communities*

Menyediakan skim kebajikan yang unik untuk mewujudkan persekitaran sihat dan bahagia di kalangan masyarakat

3) Apakah manfaat-manfaat yang ditawarkan di dalam program ini?

Komuniti	1. Portal Pendaftaran & Pengurusan Data Keahlian
Ahli	2. Kad Prabayar Visa Kad yang membolehkan berbelanja tanpa tunai dengan selamat dan diterima di seluruh dunia di semua premis rakan niaga terpilih & membuat pengeluaran wang di mana – mana ATM di seluruh dunia.
	3. Aplikasi d-kocek Aplikasi yang dihubungkan dengan Kad Prabayar bagi membolehkan anda berbelanja, menyemak baki dan butiran transaksi pada bila-bila masa sahaja.
	4. Skim Takaful Kemalangan Diri Dan Keilatan Kekal Skim yang unik dengan premium yang rendah dan elaun pengurusan jenazah diserahkan kepada pewaris sebaik sahaja kematian dapat disahkan.

Nota : Sila layari <https://www.plcp.paradiselinx.com> untuk maklumat lengkap



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com

SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

4) Berapakah jumlah yuran yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran yang dikenakan:

PAKEJ	PL30	PL150	PL1000
MINIMA AHLI	30 Ahli	150 Ahli	1,000 Ahli
YURAN PENDAFTARAN *(SECARA BERKUMPULAN)	RM3,000	RM15,000	RM100,000
*YURAN PEMBAHARUAN *(SECARA INDIVIDU)		RM50	

Nota:

- Yuran pembaharuan adalah bagi meneruskan manfaat Skim Takaful Kemalangan Diri & Keilatan Kekal.
- Ia tidak menjadi tanggungjawab pihak syarikat sekiranya anda gagal/tidak memperbaharui manfaat Skim Takaful ini.
- *Secara berkumpulan – Pendaftaran pertama kali adalah secara berkumpulan/komuniti.
- *Secara individu – Yuran pembaharuan adalah secara individu. Syarikat akan menghantar pesanan peringatan sebelum tamat tarikh tempoh.

5) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Komuniti

- Persatuan, NGO, Kelab, Yayasan – lampiran sijil pendaftaran pertubuhan yang diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- Syarikat – lampiran borang daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Ahli

Had umur

- Ahli mestilah berumur tidak kurang dari satu (1) tahun atau tidak melebihi lapan puluh (80) tahun ketika membuat permohonan.

Warganegara

- Terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja.

Kepentingan Pendedahan Pendaftaran

- Anda mestilah menyatakan semua fakta penting seperti pekerjaan anda dan perihal peribadi yang boleh mempengaruhi penerimaan perlindungan skim takaful.
- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting (maklumat penyakit) yang anda tahu atau patut tahu, jika tidak, Sijil Takaful ini boleh dianggap tidak sah.
- Anda mesti mencalonkan penama/pewaris terdekat dan pastikan penama anda tahu tentang program ini dan Skim Takaful ini bagi dan perlu membaca dan memahami berkenaan program ini.
- Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada profil hidup anda termasuk maklumat pekerjaan atau perihal peribadi, sila maklumkan kepada pihak syarikat dengan serta-merta.



6) Apakah fungsi Portal Pendaftaran & Pengurusan Data Keahlian?

- Pendaftaran ahli untuk Program Komuniti Paradiselinx.
- Pembayaran yuran dan semak transaksi pembayaran yuran.
- Pantau dan kemaskini maklumat peribadi ahli.
- Data simpanan maklumat ahli untuk rujukan mana-mana jabatan yang memerlukan.

7) Apakah fungsi Kad Prabayar Visa?

Kad yang membolehkan anda membeli barangan atau perkhidmatan secara tanpa tunai di semua tempat yang menerima pembayaran melalui kad Visa.

Ia juga boleh digunakan sebagai kad pengeluaran tunai di mana – mana mesin *ATM* yang memaparkan logo Visa/Plus.

Kad ini juga boleh diguna pakai di seluruh dunia yang menerima pembayaran atau pengeluaran tunai melalui Visa/Plus.

Kelebihan:

- Tiada pendapatan minima diperlukan
- Tidak dikaitkan dengan mana-mana akaun bank pemegang kad
- Penerimaan kad di seluruh dunia
- Pembayaran menggunakan *paywave*
- Berbelanja secara atas talian
- Selamat dan mudah

Had simpanan di dalam kad sehingga RM10,000

Sila layari <https://www.plcp.paradiselinx.com> untuk maklumat lengkap

8) Apakah fungsi d-kocek?

Aplikasi d-kocek yang dihubungkan dengan Kad Prabayar Visa bagi membolehkan anda berbelanja tanpa tunai, menyemak baki dan butiran transaksi pada bila – bila masa sahaja.

Kini anda tidak perlu lagi membawa wang tunai dan kad kerana semua rekod transaksi kewangan anda mudah dirujuk dengan selamat serta semua pembayaran dan penerimaan wang boleh diakses dengan hanya menggunakan telefon bimbit anda.

Kelebihan:

- Semak baki sejarah transaksi secara atas talian
- Pindahan wang / P2P transfer ke d-kocek lain
- Pembayaran menggunakan QR code di semua rakan niaga d-kocek
- Pembayaran bil dan tambah nilai kredit telefon
- Ganjaran bagi setiap perbelanjaan

9) Apakah manfaat Skim Takaful Kemalangan Diri Dan Keilatan Kekal?

Skim yang unik dengan premium yang rendah dan elaun pengurusan jenazah diserahkan kepada pewaris sebaik sahaja kematian dapat disahkan.

Manfaat yang diperolehi:

- Kematian (Kemalangan)
- Keilatan Kekal (Kemalangan)
- Khairat Kematian (Penyakit dan Kemalangan)



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

- **Kematian (Kemalangan)**

Kematian yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degenerative; dalam tempoh 12 belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah akan dibayar adalah Amaun seperti yang dinyatakan di dalam jadual.

Kemalangan yang dimaksudkan adalah sesuatu peristiwa atau malapetaka yang berlaku secara tiba-tiba, tidak sengaja dan di luar jangkaan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan.

- **Keilatan Kekal (Kemalangan)**

Keilatan kekal yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

- **Khairat Kematian (Penyakit dan kemalangan)**

Jumlah sumbangan sehinggalah RM1,000 akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengkebumian apabila berlakunya kematian akibat sakit dan pendaftaran di bawah 6 bulan.

Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengkebumian apabila berlakunya kematian akibat kemalangan atau penyakit ke atas anda.

A.	MANFAAT (UMUR: 1 TAHUN – 75 TAHUN)	HAD MANFAAT
1.	Kematian (Kemalangan)	RM10,000
2.	*Keilatan Kekal (Kemalangan) – Mengikut Skala	RM10,000
3.	Khairat Kematian (Penyakit & Kemalangan)	Sehingga RM5,000

B.	MANFAAT (UMUR: 76 TAHUN – 80 TAHUN)	HAD MANFAAT
1.	Kematian (Kemalangan)	RM5,000
2.	*Keilatan Kekal (Kemalangan) – Mengikut Skala	RM5,000
3.	Khairat Kematian (Penyakit & Kemalangan)	RM1,000

* Jadual skala pampasan keilatan kekal boleh dimuat turun di <https://www.plcp.paradiselinx.com>



10) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Skim Takaful ini?

Skim Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- Orang Yang Dilindungi terlibat atau cubaan di dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Orang Yang Dilindungi;
- Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil) kepada Orang Yang Dilindungi;
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan;
- Perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
- Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Orang Yang Dilindungi;
- Penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
- Sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.
- Terlibat di dalam pekerjaan-pekerjaan di bawah:
 - Tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal/ pegawai keselamatan, atau
 - Kakitangan di udara, anak kapal, kakitangan di pelantar minyak, penyelam atau nelayan, atau
 - Perlombongan, pembalakan, kilang papan, kerja-kerja pertukangan kayu atau bawah tanah, atau perobohan, letupan atau kuari, atau berurusan dengan bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan-bahan (kecuali di dalam keadaan di mana ahli sudah tamat waktu tugasnya pada masa Kemalangan itu dan Kecederaan Tubuh Badan itu tidak ada hubung kait dengan pekerjaan ahli atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan ahli), atau
 - Aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah, gondola, tali atau kabel.

Nota : Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Pengecualian Skim Takaful Kemalangan Diri Dan Keilatan Kekal yang lengkap di <https://www.plcp.paradiselinx.com>

11) Apakah kelayakan untuk mendapatkan tuntutan?

Pampasan akan dibayar apabila tuntutan yang dibuat telah dibuktikan dan disahkan oleh pihak syarikat.

Jika kematian disebabkan penyakit kritikal berlaku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pendaftaran program, kelayakan tuntutan Dana Pengurusan Jenazah adalah sebanyak RM1,000 sahaja.

Kematian yang melibatkan penyakit COVID-19 tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan.

Nota : Sila rujuk senarai penyakit kritikal di <https://www.plcp.paradiselinx.com>



12) Bagaimanakah cara untuk membuat pembaharuan Program?

Pihak syarikat akan memberikan notis awal kepada ahli untuk membuat pembaharuan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh sijil.

Ahli boleh membuat pembaharuan seawal tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh. Pembaharuan boleh dibuat melalui ketua komuniti atau secara terus melalui syarikat.

Ia tidak menjadi tanggungjawab pihak syarikat sekiranya ahli gagal/tidak memperbaharui bagi meneruskan manfaat Skim Takaful. Dalam keadaan ini, pihak syarikat juga tidak bertanggungjawab untuk membayar tuntutan elaun pengurusan jenazah kepada waris.

Pihak syarikat tidak akan terikat untuk menerima sebarang pembaharuan sekiranya Program tidak boleh diperbaharui selepas tahun perlindungan di mana ahli telah mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun.

13) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat peribadi bagi memastikan semua surat-menyurat dan maklumat – maklumat dapat disampaikan tepat pada masanya.

14) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Program Komuniti Paradiselinx, sila layari laman web <https://www.plcp.paradiselinx.com>

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Program Komuniti Paradiselinx, sila hubungi kami di:

Paradise Linx Sdn Bhd

16-4-1, Jalan Semarak Api 2,
Diamond Square, Off Jalan Gombak,
53000, Setapak, Kuala Lumpur.

Tel: 03-4031 6710

Laman sesawang : www.paradiselinx.com

Emel: info@paradiselinx.com



Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur

Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE



PARADISE LINX SDN BHD



www.paradiselinx.com



admin@paradiselinx.com

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL DALAM SKIM TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.






www.paradiselinx.com
SMART | CONVENIENT | SAFE

Program Komuniti ParadiseLinx

(ParadiseLinx Community Programme)

16-4-1 Jalan Semarak Api 2 Off Jalan Gombak Diamond Square 53000 Setapak Kuala Lumpur
Tel: 03 4031 1172 / 018 789 4001

 PARADISE LINX SDN BHD  www.paradiselinx.com  admin@paradiselinx.com